

BENKEL PEMANTAPAN APLIKASI MICROSOFT TEAMS KEPADA PELAJAR BARU PKA

Oleh: Nuraini Tuter dan Noor Syafeekha Mohamad Sakdun

Kaedah pengajaran dan pembelajaran (PdP) di institusi pengajian tinggi (IPT) negara berubah wajah daripada pengajaran tradisional berbentuk kuliah kepada pembelajaran maya bermula . Sama ada secara teradun atau menggunakan Web 2.0, pensyarah dan pelajar terpaksa menyesuaikan diri dengan keadaan semasa. Medium pembelajaran dalam talian membantu pelajar bertukar idea, berkomunikasi dan menyelesaikan tugas minggu mereka hingga akhir semester. Penggunaan aplikasi pembelajaran secara maya juga memerlukan kemahiran, Justeru itu, satu bengkel pemantapan penggunaan aplikasi Microsoft Teams untuk pelajar-pelajar baru Pengajian Kejuruteraan Awam (PKA) telah dijalankan pada 18 Oktober 2021 secara atas talian menggunakan platform Microsoft Teams.

Seramai 145 orang pelajar baru Pengajian Kejuruteraan Awam (PKA) bagi semester Oktober 2021 – Januari 2022 telah menyertai bengkel anjuran Unit Penasihat Akademik PKA. Bengkel yang berlangsung lebih kurang empat jam ini telah dijalankan bersama-sama Pakar Microsoft Innovative Educator, Ts. Dr Suhailah Mohamed Noor. Beliau telah berkongsi dengan terperinci kelebihan yang ada dalam Microsoft Teams dan cara-cara menggunakan aplikasi tersebut memandangkan pengajaran dan pembelajaran dalam talian telah digunakan sebagai platform utama dalam sistem pendidikan zaman pandemik ini. Diakhir bengkel, pelajar berpeluang bertanya terus dengan Ts. Dr Suhailah berkenaan penggunaan aplikasi ini. Bengkel ini diharap secara tidak langsung dapat merangsang peningkatan kemahiran teknologi maklumat (IT) dalam kalangan pelajar PKA. Dengan kemahiran IT yang baik, pelajar bukan sahaja dapat memenuhi keperluan sukatan pelajaran mengikut kursus, malah dapat meningkatkan pengetahuan berkomunikasi secara atas talian di samping dapat memenuhi keperluan kursus seperti menghantar assignment secara atas talian dan keperluan menjawab peperiksaan atas talian.